

PM: Kuasai sains perkukuhkan iman

UM 12 OCT 2003

CYBERJAYA 11 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam perlu mempelajari dan menguasai sains untuk mempertahankan kedudukan mereka di dunia dan pada masa yang sama mengukuhkan kepercayaan terhadap kekuasaan Allah.

Beliau membidas sesetengah pihak yang menganggap sains dan matematik sebagai ilmu sekular dan cuba mencetuskan rasa curiga untuk mempelajarinya atas alasan berbanding ilmu agama, ia tidak menjamin masuk syurga.

“Saya telah dilatih sebagai saintis tetapi tidak hilang kepercayaan terhadap agama. Sebenarnya dengan mempelajari sains dan mendapat peluang mengkaji cakerawala, kita akan dapat menyaksikan akan kehebatan ciptaan-Nya.

“Kita akan menyedari betapa Tuhan yang mencipta dunia ini cukup hebat dan tidak setanding langsung dengan ciptaan kita.

“Kita akan menginsafi betapa kecilnya insan di muka bumi dan dengan itu akan lebih rendah diri dan tidak terfikir untuk berlagak Tuhan,” katanya ketika berucap merasmikan makmal penyelidikan InventQjaya Sdn. Bhd. (IQJ) di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan

penting bagi umat Islam menguasai ilmu sains untuk meneruskan hidup dan melindungi mereka.

“Kita perlu mempelajari sains untuk menyaingi orang lain (bukan Islam), bukan untuk menentang mereka tetapi sebenarnya bagi memastikan kita diberi peluang untuk hidup seperti orang lain yang berjaya dalam kehidupan,” katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi IQJ setakat ini.

Inovasi

Makmal itu direka bentuk untuk mempercepatkan inovasi k-Ekonomi bertaraf dunia selaras dengan Wawasan 2020.

IQJ yang ditempatkan di atas kawasan seluas 28,000 meter persegi di sini merupakan usaha sama kerajaan Malaysia dan Reveo Inc. dari Amerika Syarikat

Makmal itu diilhamkan oleh Dr. Mahathir selepas beliau melakukan lawatan ke makmal Reveo di Elmsford, New York tahun lepas.

IQJ kini diterajui oleh Pengerusinya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Reveo, Dr. Sadeg Mustafa Faris. Misi syarikat itu ialah untuk mencipta, memperbaharui dan menghasilkan penemuan un-

tuk Malaysia selain menjadi pusat penyelidikan, mereka cipta industri baru, mengeksport sains dan teknologi serta barangan ‘Buatan Malaysia’ ke seluruh dunia.

IQJ menyasarkan untuk menarik saintis dan penyelidik Malaysia di luar negara kembali ke tanah air. Buat masa ini, IQJ mempunyai 55 saintis dan pakar teknologi dengan 35 daripadanya adalah anak tempatan.

Perdana Menteri dalam ucapannya melahirkan harapan dengan penubuhan IQJ, Malaysia akan menyaksikan kelahiran ramai saintis yang setaraf dengan Thomas Edison dan Einstein pada masa depan.

Dr. Mahathir berkata, mungkin ada idea yang dilahirkan oleh ahli sains ini kelihatan tidak munasabah tetapi beliau mengingatkan ia tidak wajar diketawakan kerana kebanyakan penemuan sains yang kini diterima pakai adalah berasal dari idea yang dianggap menga-rut.

Terdahulu pada majlis itu, Dr. Mahathir melepaskan IQJ-MeVictory, kereta hibrid yang dijana dengan bahan bakar logam, yang akan dipandu ke Alor Star sempena pelancaran makmal itu.

Kenderaan itu cuba memecah rekod sebelum ini yang dicatatkan oleh Reveo Inc di New York sejauh 344.67km.